



MALAYSIA PRIHATIN: TANGGUNGJAWAB KITA SEBAGAI RAKYAT MALAYSIA

NAME: MUHAMMAD IRWAN AZRI BIN RUSLAN

STUDENT ID: 1211103500

FALCULTY: FIST (FOUNDATION IN IT)

“Aku bukanlah seorang perwira,
Gagah menghunus senjata,
Namun hati rela berjuang,
Walau dengan cara sendiri,
Demi cinta ini’

Berikut ialah bait-bait lagu yang ditulis oleh Allahyarham Sudirman, seorang penyanyi lagenda negara yang menjadi teladan kepada kita supaya bekorban demi menunaikan tanggungjawab kepada negara walaupun dengan cara sendiri. Sesungguhnya, apabila berkumandang laungan keramat “Merdeka! Merdeka! Merdeka!” oleh Allahyarham Tunku Abdul Rahman, maka tersematlah tanggungjawab dalam diri setiap insan yang lahir di bumi betuah ini, bumi Malaysia. Langit luas terbentang menjadi saksi, sumpah dilauung kuat sekali, menjadi bukti kita bersatu hati. Gagasan demi gagasan, pembangunan demi pembangunan dirancang supaya kita semua dapat memajukan tanah air tercinta ini, dengan darah dan keringat sendiri. Maka, di sinilah bermulanya, obligasi yang signifikan perlu untuk kita galas di bahu bersama tanpa mengira bangsa mahupun agama, kita tetap sama. Definisi bagi tanggungjawab ialah kewajiban yang wajib dipikul oleh seseorang. Sambutan Kemerdekaan Negara setiap 31 Ogos bukan sahaja untuk memperingati kita tentang kebebasan negara ini dari cengkaman penjajah, tetapi juga untuk meniupkan kembali semangat perjuangan dalam roh setiap insan di atas muka bumi keramat ini. Soalnya, semangat perjuangan yang bagaimana? Bukankah sudah tiada penjajah? Bukankah kita sudah merdeka selama 64 tahun? Kini perjuangan yang kita pikul bukanlah menentang penjajah, namun, penentangan kita kini terhadap mereka yang mengabaikan tanggungjawab dalam erti lain mengkhianati negara ibarat api dalam sekam. Menariknya, pengkhianatan ini berlaku secara sedar mahupun tidak sedar, kerana sesetengah rakyat Malaysia masih tidak memahami dengan baik tentang skop tanggungjawab sebagai seorang rakyat. Persoalan utamanya di sini, adakah kita juga tergolong dalam kalangan mereka yang “mengkhianati” negara dalam tidak

sedar? Ayuh kita singkap dan runkai tanggungjawab-tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia untuk memastikan kita selari dan memenuhi segala tuntutan sebagai rakyat Malaysia yang patriotik.

Bunga cendana, bunga teratai, isi perdana, pembuka tirai ialah rakyat Malaysia perlulah menjadikan Rukun Negara sebagai nadi dalam bermasyarakat dalam tanggungjawab utama. Hal ini demikian kerana, Rukun Negara ialah identiti bangsa Malaysia dan juga simbolik perpaduan rakyat Malaysia berbilang kaum. Kita sedia maklum, Rukun Negara tertubuh selepas peristiwa berdarah 13 Mei 1969 demi memastikan pisang tidak berbuah dua kali pada masa hadapan. Tanggungjawab ini, perlu kita pegang dengan erat dan bangga kerana Rukun Negara inilah simbolik kecekalan rakyat Malaysia Bersatu hati. Tamsilnya, rukun negara ketiga, kedaulatan undang-undang yang memartabatkan sistem perundangan yang menyeluruh tanpa mengira status seseorang. Pasti akan diadili melalui satu perundangan yang sama, justeru tiada siapa yang terlepas dari undang-undang. Bak kata pepatah, di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung, yang mencerminkan negara kita ini negara berdaulat. Tambahan lagi, Rukun Negara kelima tentang kesopanan dan kesusilaan harus diamalkan sebagai tanggungjawab rakyat Malaysia. Hal ini demikian kerana, negara ini terdiri daripada pelbagai kaum, budaya mahupun agama ibarat gugusan warna-warni di langit membentuk sebuah pelangi yang indah. Buktinya, hasil daripada saling menghormati ini, wakil daripada Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah menghantar seorang wakil United Kingdom untuk berkunjung dan mempelajari kunci emas tentang perpaduan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum pada tahun 2017 yang boleh kita banggakan sehingga diiktiraf di mata dunia. Sudah terang lagi bersuluh, tanggungjawab kita sebagai rakyat Malaysia untuk mengamalkan setiap prinsip Rukun Negara agar identiti bangsa Malaysia dapat dibentuk dari peringkat akar umbi kerana melentur buluh biarlah dari rebungnya.

Di samping itu, obligasi yang wajib dipikul oleh kita sebagai rakyat Malaysia ialah menghormati setiap simbolik negara kita. Hal ini demikian kerana, simbol simbol ini membuktikan negara kita sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Sebagai contoh, lagu Negaraku, Jalur gemilang dan Jata negara. Kita harus sentiasa mempraktikan rasa sayang dan hormat kerana telah banyak pengorbanan tumpahnya darah oleh nenek moyang kita bagi memperjuangkan kemerdekaan yang kita kecapai selama ini. Namun, sekadar mengaku kita sayang dan hormat pada negara ini, masih tidak cukup kerana kita juga perlu turut tegas dalam menentang golongan yang memperlekehkan simbol-simbol negara

kita ini dalam setiap platform termasuk juga media social. Sesungguhnya, engkau pendusta! Jikalau engkau juga turut mempersendakan lagu Negaraku. Sesungguhnya, engkau pendusta! Jika engkau membiarkan sahaja Jalur Gemilang tercinta ini diperlekehkan. Misalnya, sebagai rakyat Malaysia yang prihatin dan bertanggungjawab, kita perlu tegas dalam menasihati golongan yang memandang enteng perkara-perkara tersebut dengan alasan hanya sebagai gurauan. Sebaliknya, simbolik negara ini perlu kita genggam dengan erat sebagai maruah diri kita selaku bangsa Malaysia seperti air yang dicubit peha kanan, peha kiri turut terasa. Contoh tindakan tegas yang boleh diambil ke atas golongan yang memperlekehkan simbol-simbol negara ini ialah termaktub di bawah pelebagaan Akta Lambang dan Nama (Mencegah penggunaan tidak wajar) 1963 dan Akta Lambang kebangsaan (Kawalan mempamer) 1949. Apabila rakyat Malaysia berganding bahu, bersatu hati dalam menajaga kehormatan simbolik negara, sudah pasti dapat memartabatkan negara ini supaya imej negara tercinta mekar ke seantero dunia sebagai sebuah negara yang dihormati. Ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni, peribahasa yang menggambarkan tiada yang mustahil apabila kita bersatu hati membantu satu sama lain dalam menggapai sesuatu. Jelaslah, rakyat Malaysia bertanggungjawab dalam menajaga kehormatan simbolik negara agar imej negara dapat dimartabatkan supaya dapat memupuk rasa sayang akan negara ini, kerana negara ini ialah nyawa kita. Memetik kata Othman Kelantan selaku Sasterawan Negara, jika sesebuah negara itu jatuh kerana bangsa lain, sesungguhnya negara itu akan bisa bangkit kembali, tetapi jika bangsa itu jatuh akibat bangsanya sendiri, maka bangsa itu akan terus selamanya tumbang menyembah bumi.

Akhir sekali, pendidikan teras revolusi, menjamin kualiti generasi, supaya terbang tinggi bak Raja Wali yang membawa maksud rakyat Malaysia juga bertanggungjawab dalam bertiwikrama dalam akademik serta kokorikulum bagi menjamin masa depan negara yang l cemerlang. Hal ini demikian kerana, apabila kita meletakkan pendidikan yang berkualiti supaya menjadi tanggungjawab kita sebagai rakyat Malaysia akan membantu untuk melahirkan ramai inteligensia dari alma mater yang akan menyumbang kembali pada pembangunan negara akan datang. Memetik kata Mantan Presiden Indonesia, Soekarno jika diberikan kepadaku seratus orang tua, akanku terbalikkan perahu tertangkap, tetapi jika diberikan kepadaku sepuluh orang muda, nescaya akan aku menggergarkan dunia yang membawa maksud, dengan lahirnya pemuda yang berkualiti dalam sektor pendidikan akan membantu untuk memacu masa depan negara yang unggul. Jadi sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, kita perlulah melengkapkan diri kita dengan ilmu pengetahuan yang unggul terutamanya golongan belia. Sebagai contoh, Mantan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir yang umumnya kita mengetahui beliau menerima pendidikan yang berkualiti sejak

dari beliau kecil lagi yang akhirnya membentuk diri beliau sebagai salah satu pemimpin yang unggul di Malaysia dan diperakui di peringkat antarabangsa. Sumbangan beliau juga termasuklah “The Dawn Raid” yang dahulunya menggemparkan seantero dunia apabila syarikat terkenal London, Guthrie yang kini dikenali sebagai Sime Darby berjaya ditukar hak milik menjadi hak milik rakyat Malaysia hanya dalam tempoh satu malam yang membuana dijagat raya. Ini menjadi bukti hidup, kewibawaan dan pendidikan yang menyeluruh wajar diterapkan dalam nilai diri setiap lapisan masyarakat Malaysia sebagai tanggungjawab bagi melahirkan ramai lagi bijak pandai untuk menerajui negara pada masa akan datang. Maka, jelas bagi kita rakyat Malaysia perlu memandang pendidikan sebagai tanggungjawab utama demi merencana masa depan negara yang lebih cemerlang selari dengan kata-kata A Samad Said, iaitu sebelum anda menulis, anda perlu membaca, membaca dan membaca yang bermaksud penekanan terhadap ilmu sebelum melakukan sesuatu sangat penting.

Pada akhir kalam ini, sebelum pena menokhtakan tinta, dapat kita simpulkan sebenarnya, tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia ialah satu penghormatan buat kita, kerana ia merupakan sebuah perjuangan yang suci dalam prakarsa kita bersama membangunkan tanah air tanah tumpahnya darahku. Ayuh! Mari kita bersama berganding bahu, saling membantu untuk membina sebuah negara yang akan menjadi bukti perpaduan simpulan cinta kita bersama yang tidak berbelah bahagi, yang tidak mengenal erti perbezaan agama mahupun bangsa. Jangan pernah kita pandang enteng tentang isu kenegaraan ini, kerana sejarah yang lampau telah mengajar kita, kerajaan Melaka yang gah di seluruh pelusuk dunia juga pernah tumbang! Dek kerana hanya seorang “Si kitol” yang mengkhianat bangsanya sendiri. Kesanya apa? Ribuan nyawa tidak bersalah dikorbankan! Kekayaan negara dibolot rakus, dan berlansung 446 tahun lamanya. Harapan saya, agar kita sebagai bangsa Malaysia terus melaksanakan tanggungjawab bersungguh-sungguh bersatu hati ibarat aur dengan tebing. Tidak dinafikan, memang perjuangan ini sukar, namun pasti manisnya akan dapat dirasai oleh cucu dan cicit kita ibarat manisnya madu hasil usaha bersama. Bangsa Malaysia juga perlu terus konsisten dalam membakar semangat perjuangan ini. Inisiatif ini perlu disambut baik bersinergi sederap seirama oleh setiap pihak terumatanya kerajaan, masyarakat dan setiap lapisan institusi pendidikan di Malaysia. Hal ini kerana pastinya dapat merealisasikan aspirasi negara dalam mencapai Transformasi Nasional 2050 yang diasaskan oleh Mantan Perdana Menteri Malaysia, Najib Razak, supaya duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara lain. Sebagai penutup, Usahlah disoalkan apa sumbangan negara kepada kamu, sebaliknya soalah apa sumbangan kamu kepada negara, merupakan nukilan daripada Mantan Presiden Amerika, JF Kennedy yang boleh dijadikan suri teladan.